

Simpanan beras ditambah



DR. MAHATHIR

90
28 JAN 1978

KUALA LUMPUR, Jumaat — Simpanan beras negara akan ditambah kepada lebih 300,000 tan berikutan ancaman kemarau sekarang, demikian diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau memberitahu, simpanan yang ada sekarang sebanyak 260,000 tan dan "terpaksa ditambah kepada lebih 300,000 tan berikutan kemarau sekarang," ujarnya.

Keputusan

Katanya, keputusan tersebut diambil dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai beras yang bersidang di sini pagi tadi dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Beliau menyatakan satu rombongan pegawai-pegawai kerajaan akan dihantar ke Burma, China dan Thailand secepat mungkin bagi merun-

Oleh NORDIN MOHAMAD

dingkan pembelian beras dari negara-negara tersebut untuk stok simpanan negara.

Dato Seri Dr. Mahathir memberi jaminan simpanan beras negara adalah mencukupi dan langkah kerajaan menambah simpanan itu ialah memandangkan keadaan kemarau sekarang.

Mengenai masalah bekalan gula pula, beliau menyatakan, rundingan antara Malaysia dan Australia akan diadakan lagi pada dua Februari ini di sini.

"Pada masa ini saya tidak dapat lagi memberi sebarang kenyataan mengenai perkara ini kerana rundingan lanjut akan disambung semula," ujarnya.

Rundingan

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu lagi, mesyuarat hari ini juga membincangkan masalah kekurangan bekalan bawang India.

Beliau mengumumkan kemungkinan Kerajaan melalui Kementerian Pertanian akan melaksanakan rancangan menanam pawang merah.

Mengenal usaha kerajaan memagar kawasan sempadan di Changlun, Perlis, beliau menyatakan, rancangan itu didapati memberi kesan dalam usaha-usaha untuk menyekat dan membentasi kegiatan menyeludup di situ.

Menurutnya, Kerajaan sedang mengkaji cara-cara untuk menguatkan lagi pengawasan di sempadan untuk memastikan tidak ada lagi penyeludupan seperti dadah dan sebagainya.

Katanya lagi, kajian juga sedang dibuat untuk membina sebuah pekan baru di Kaki Bukit dan melengkapkan berbagai kemudahan untuk Jabatan-jabatan Kastam, Imegresyen dan Polls di sempadan.

Sementara itu, Shahar Bakar melaporkan, Fama hanya akan mengawasi segala pemasaran hasil-hasil ternakan dan tanaman kontan di bawah rancangan pemuliharaan darurat para petani kawasan Muda.

"Bila keadaan perlu dan terdesak sahaja, Fama akan mengambilalih tanggungjawab pemasaran tersebut," kata pengerusinya Datuk Ishak Pateh Akhir, hari ini.

"Malah Fama akan bertindak menjadi sumber pembeli terakhir jika keadaan lebih mendesak," tambah beliau.

Katanya, Fama telahpun menyediakan perancangan dari sekarang dengan mengkaji sistem pemasaran tentang kemungkinan hasil-hasil yang dijangka dikeluarkan dari rancangan pemuliharaan tersebut.

Hasil-hasil ini akan dipasarkan oleh koperasi-koperasi dan persatuan peladang berkenaan "selagi mereka berkemampuan seperti yang berjalan selama ini."

"Fama bertindak mengawasi segala pemasaran tersebut bagi memastikan petani-petani memperoleh faedah yang bersesuaian."